

19 MAY 2003

Mahathir-Perubahan/I

PAKEJ AKAN FOKUS PADA PERUBAHAN STRATEGI

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pakej ekonomi yang akan diumumkan pada minggu ini akan memberi tumpuan kepada perubahan strategi untuk mewujudkan kekayaan melalui sumber baru pertumbuhan daripada ekonomi yang bergantung kepada insentif yang ditawarkan kerajaan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata pertumbuhan ekonomi negara ini tidak bergantung keseluruhannya terhadap kerajaan (dan) ianya adalah satu pandangan yang sempit.

"Anda perlu belajar merubah strategi anda untuk memberi tumpuan mencari satu bidang pertumbuhan baru. (Ia) bukan hanya menyatakan apa yang anda ingin lakukan (dan dengan itu), anda perlu mendapatkan insentif daripada kerajaan," katanya apabila ditanya berkenaan jangkaan potongan yang lebih tinggi dalam pakej ekonomi itu pada sidang akhbar selepas mempengerusikan dialog pra-bajet 2004 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan memerlukan wang, "dengan itu ia tidak dapat sewenang-wenangnya mengeluarkan wang untuk diberikan kepada sektor swasta dan ini bukannya cara untuk meningkatkan kekayaan.

"Dengan itu, akan terdapat lebih banyak perubahan strategi (dalam pakej itu)," kata Perdana Menteri.

Mengenai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun ini yang akan dikaji semula lebih rendah daripada 4.5 peratus yang dibuat lebih awal daripada 4.2 peratus yang dicatatkan pada tahun lepas, beliau berkata:

"Kita telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kadar pertumbuhan yang membanggakan itu jika diambilkira masalah yang dihadapi."

Mengenai bila pakej itu akan diumumkan, Dr Mahathir berkata: "Kami akan mengumumkannya dalam satu atau dua hari ini."

Mengenai sama ada kadar faedah akan diturunkan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, kami sedang menimbang pandangan anda, kami akan mengkaji pelbagai cadangan berkenaan."

Mengulas dialog hari ini yang memberi tumpuan kepada isu makro, beliau berkata ia sangat berfaedah kerana ada banyak cadangan selain meminta kerajaan menurunkan cukai dan menawarkan insentif.

Terdapat juga cadangan untuk menaikkan cukai kerajaan serta menaikkan insentif untuk menjana pelaburan dan memperbaiki lagi pengurusan ekonomi, katanya.

-- BERNAMA

MKO/MAM MR AHM RON